

Mahathir gesa kawal perbelanjaan

(P) U.M. - 5 MAY 1993

KUALA LUMPUR 4 Mei — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan setiap lapisan rakyat supaya mengawal perbelanjaan mereka untuk mengelakkan negara mengalami kadar inflasi yang tinggi.

Sebab itulah, kata Perdana Menteri, pada ketika rakyat mampu membeli, mereka haruslah cermat dan memberi perhatian kepada harga dan kualiti bagi mengelak sebarang pembaziran.

Negara akan mengalami inflasi jika rakyat berbelanja tanpa had atau mempersoalkan harga barangan yang mereka beli, kata beliau ketika berucap melancarkan Hari Pengguna Sedunia 1993 peringkat kebangsaan di sini.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berkata, satu daripada sebab-sebab

berlakunya inflasi ialah kerana terdapat terlalu banyak duit mengejar barangan yang sedikit.

Inflasi juga kata beliau boleh berlaku pada waktu negara makmur di mana pengguna yang mewah tidak begitu menyoal harga barangan dan sanggup membeli dengan apa juga harga atau kualiti.

"Dengan ini harga akan meningkat tetapi sebaliknya kualiti akan merosot dan jika kerana apa-apa sebab kemelesetan melanda, maka pengguna akan merasa tekanan harga yang tinggi dan kualiti pula rendah," ujarnya.

Menurut beliau, sememangnya pendapat rakyat sepatutnya meningkat lebih tinggi sekiranya negara tidak mengalami inflasi.

"Tetapi jika kerana ke-

■ Lihat muka 2

Mahathir gesa kawal perbelanjaan

naikan harga atau inflasi, pendapatan yang bertambah hanya boleh membeli barangan yang sama sahaja, ini bererti taraf hidup tidak menaik sebenarnya... dengan itu sia-sia sahajalah tambahan pendapatan," tegas beliau lagi.

Dr. Mahathir berkata, semua petunjuk dalam pertumbuhan ekonomi membuktikan bahawa pendapatan rakyat telah meningkat dan dengan itu taraf hidup mereka juga meningkat.

Bagaimanapun beliau berkata, tidak ada gunanya jumlah pendapatan meningkat tetapi harga barangan dan khidmat turut meningkat.

Kata Perdana Menteri, sebenarnya yang penting bukan tambahan pendapatan tetapi apa yang mampu dibeli dengan Dendanatan itu.

Beliau juga menasihati rakyat, adalah lebih wajar wang mereka dilaburkan umpamanya dalam Bon Malavsia daripada membelanjakannya ke atas barangan me&ah yang sebenarnya tidak begitu diperlukan.

Perdana Menteri berkata, pertumbuhan ekonomi telah memanfaatkan rakyat Malaysia yang merangkumi juga para pengguna.

Berdasarkan kepada beberapa petunjuk kualiti hidup, katanya, jelas terbukti berlakunya peningkatan dalam taraf hidup di kalangan rakyat Malaysia di antara tahun 1970 hingga 1990.

Contohnya, kata Dr. Mahathir, bilangan peti televisyen setiap seribu orang penduduk Malaysia telah bertambah daripada 22 buah pada tahun 1970 kepada 100 buah pada tahun 1990.

Kenderaan pula, menurut Perdana Menteri, bagi setiap seribu orang penduduk, didapati bilangannya bertambah daripada 26 buah pada 1970 kepada 96 buah pada tahun 1990.

Katanya, bagi bilangan telefon pula, untuk setiap 1,000 orang penduduk, telah bertambah daripada seunit pada tahun 1970 kepada 10 unit pada tahun 1990.

Beliau juga memberi contoh mengenai pendapatan purata bulanan isi rumah yang telah meningkat daripada RM264 pada tahun 1970 kepada RM1,163 pada tahun 1990.

Mengenai kepenggunaan, beliau berkata, masalah pengguna akan dapat dihapuskan jika orang ramai menyedari akan peranan dan hak mereka sebagai pengguna dan pembekal.

Menurut Perdana Menteri, hakikat bahawa pengguna dan pembekal adalah orang yang sama sering dilupai oleh semua orang.

Beliau berkata, apa yang berlaku sekarang ialah, kerap kali semasa seseorang itu menjadi pembekal iaitu orang yang memberi perkhidmatan, ia tidak mengutamakan unsur-unsur kualiti dan lain-lain yang dituntut olehnya semasa menjadi pengguna.

Baeaimanapun, kata Dr. Mahathir, apabila memerlukan khidmat atau membeli barangan, seseorang itu akan bertukar menjadi pengguna yang amat kritikal mengenai kualiti khidmat atau barangan yang dibeli.

"Jika kita bersikap dan berpegang kepada kriteria yang sama semasa menjadi pengguna atau pembekal, maka masalah pengguna akan dapat dikurangkan, malah dihapuskan," katanya.

Pada majlis itu juga, Perdana Menteri menyampaikan Anugerah Tokoh Pengguna 1992 kepada Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Hamdan Adnan dan Anugerah Kelab Pengguna Sekolah Terbaik 1992 kepada Sekolah Menengah Zainab, Kota Baharu.

Dr. Mahathir menegaskan, jika seseorang hanya sedar hak dan kepentingan pengguna semasa menjadi pengguna tetapi lupa hak pengguna semasa menjadi pembekal, maka amat sukar bagi pengguna mendapati kepentingan mereka diutamakan.

Dalam hubungan ini, beliau menarik perhatian bahawa masalah pengguna sebenarnya berasaskan kepada adanya dua personaliti pada setiap orang.

"Sebagai pengguna, kita mahu layanan yang baik tetapi apabila kita melayan atau membekalkan barangan, kita tidak memikirkan orang yang dilayan atau dibekalkan iaitu pengguna.

"Hakikat ini perlu sentiasa berada dalam hati dan akal fikiran kita sepanjang masa jika kita ingin pengguna mendapat apa yang menjadi hak mereka," katanya.